

Anwar puas hati sistem SARA lancar

Penambahbaikan bantuan akan dibincang dalam Belanjawan pada Oktober

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan
Norazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Baling: Datuk Seri Anwar Ibrahim berpuas hati melihat prestasi agihan Penghargaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) RM100 sekali bayar kepada setiap rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas, kini berjalan lancar tanpa sebarang aduan sejak beberapa hari lalu.

Perdana Menteri mengakui, ada gangguan kecil pada hari awal pelaksanaan agihan bayaran itu ketika pembelian barangan dibuat, namun semua masalah itu berjaya ditangani dan sistem kini berfungsi dengan baik.

"Saya tengok tadi bukan satu tapi ada tujuh, lapan (penerima SARA) saya periksa, semua nampak berjalan baik.

"Hari pertama dan kedua itu memang ada sedikit 'glitch' (gangguan sementara), tapi se-

karang ini sudah lancar. Sudah empat lima hari ini, tiada satu pun aduan," katanya ketika ditemui selepas Program Outreach SARA di Pasaraya Ekonomi Rakyat, Kupang, di sini semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, menegaskan pelaksanaan program SARA tidak tertumpu kepada pasar raya besar semata-mata, malah turut merangkumi kedai runcit dan pasar raya di kawasan luar bandar.

Katanya, dakwaan kononnya SARA hanya memberi manfaat kepada pasar raya besar adalah tidak benar kerana premis berskala kecil juga terbabit dalam pelaksanaan program berkenaan.

"Pertama, bukan sahaja pasar raya besar, yang kecil-kecil pun termasuk. Keduanya, kita sekurang galakkan tambahan produk tempatan.

"Barangan daripada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) juga diberi perhatian supaya pengguna boleh membelinya melalui program SARA," katanya.

Ditanya mengenai keperluan tindakan tambahan terhadap sistem berkenaan, Anwar berkata, sebarang dasar atau penambahbaikan bantuan lain akan dibincangkan dalam Belanjawan yang akan dibentang pada Oktober.

"Setakat ini, sistem berjalan



Anwar beramah mesra bersama pelanggan pada Program Outreach SARA di Pasaraya Ekonomi Rakyat, Kupang, Baling, Semalam.
(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

dengan baik. Soal lain, soal apa-apa ikhtiar atau dasar baharu, itu kita bincang dalam Belanjawan pada Oktober," katanya.

Negara luar contoh SARA

Sementara itu, ketika berucap pada penutup Program MADANI Rakyat di Kompleks Sukan Majlis Daerah Baling, Anwar mendedahkan yang agihan SARA itu menjadi contoh kepada pemimpin negara luar walaupun mengakui ia sesuatu yang sukar dilaksanakan.

Perdana Menteri berkata, beliau pernah berbincang mengenai perkara itu dengan rakan-rakan sejawatnya, terutama pemimpin ASEAN dan mereka menyatakan tidak mampu melaksanakan inisiatif seumpama itu kepada rakyat negara ma-

sing-masing.

"Perdana Menteri Vietnam (Pham Minh Chinh) baru-baru ini umumkan bantuan kepada rakyat sekitar RM50 seorang, dia tanya saya macam mana (laksanakan bantuan seperti SARA). Kita belanja RM15 bilion untuk SARA ini.

"Bila kita cakap soal SARA, ada yang mencemuh, tapi mereka lupa bahawa itu tambahan kepada SARA dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR)," katanya.

Anwar berkata, dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara, pelaburan semakin meningkat dengan angka yang meyakinkan, sambil memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus menjaga kebajikan rakyat terutama golongan miskin.

Beliau berkata, ukuran sebenar kejayaan sesebuah negara

ialah kemampuannya untuk mengagihkan kemakmuran secara adil dan menjamin kesejahteraan hidup rakyat termasuk di kawasan terpinggir dan terpencil.

"Dalam Kerajaan MADANI kita terus beri tumpuan dan perhatian dalam soal pembangunan wilayah dan desa dan dari segi bantuan langsung kepada rakyat," katanya.

Dalam pada itu, Anwar turut mengingatkan semua pihak agar menjalankan tanggungjawab dengan baik, apabila mempunyai kuasa sama ada dalam pentadbiran negeri mahupun negara.

"Harapan saya, rakan-rakan faham. Jangan rasuah, jangan curi harta rakyat. Kita kena jaga supaya jamin kehidupan rakyat lebih baik. Negara mesti aman, ekonomi pula mesti kukuh," katanya.